



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM (MySTEP)**

1. **(a) Jawatan** : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
(b) Taraf Jawatan : Perkhidmatan Secara Personel MySTEP
(c) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia
2. **Gaji Minima Yang Ditawarkan** : RM 1,700.00 / sebulan
3. **Syarat Lantikan Wajib** :
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan setaraf dengannya;
 - (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. **Fungsi Bidang Tugas** : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).
5. **Kemudahan** :
 - (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat seperti berikut:
 - i. Elaun Perjalanan Kenderaan;
 - ii. Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing;
 - iii. Elaun Harian (bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam); dan
 - iv. Elaun Makan (bertugas luar pejabat bagi tempoh 24 jam atau lebih).
 - (b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO
 - (c) Cuti Rehat 12 hari setahun. Dikira secara purata (pro rate) berdasarkan tempoh kontrak.
 - (d) Cuti Sakit 14 hari setahun. Dikira secara purata (pro rate)

berdasarkan tempoh kontrak.

6. Cara Memohon

- : a) Pemohon hendaklah menghantar dokumen – dokumen dibawah ke alamat e-mel jobvacancy@mda.gov.my dan nyatakan tajuk/subjek e-mel "PERMOHONAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR (MySTEP)".
- b)
- i. Resume Calon (beserta gambar berukuran passport);
 - ii. Salinan Kad Pengenalan;
 - iii. Salinan Sijil Kelahiran;
 - iv. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
 - v. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - vi. Salinan Diploma/Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
 - vii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA/ MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
 - viii. Lain-lain dokumen sokongan.
- c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan surat pengesahan jawatan yang terkini.
- d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

7. Tarikh Tutup Permohonan : 15 Mei 2023 (Isnin) jam 3.00 petang

(MURALITHARAN PARAMASUA)
Ketua Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

